

SOALAN NO.: 19

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH  
**KAWASAN :** KALABAKAN  
**TARIKH :** 26 JULAI 2017, RABU

**SOALAN:**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) setakat hari ini berapakah panjang jalan Pan Borneo sudah dibina dan berapa kos yang sudah dibayar; dan
- (b) kawasan Pan Borneo ini meliputi Sabah dan Sarawak berapakah panjang jalan di Sarawak dan di Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo dipecahkan mengikut negeri iaitu Sarawak dan Sabah.

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah memulakan kerja-kerja pembinaan. Status kemajuan fizikal bagi 5 pakej tersebut sehingga bulan Jun 2017 adalah seperti berikut:

- (a) Pakej dari Donggongan ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);
- (b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);
- (c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);

- (d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan
- (e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Untuk makluman, peruntukan bagi kos pembinaan yang telah diluluskan untuk pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah sebanyak RM 12.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 39 juta telah dibayar** kepada kontraktor yang terlibat.

Untuk negeri Sarawak, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dilaksanakan secara 2 fasa. Fasa pertama melibatkan jajaran dari Telok Melano ke Miri sepanjang 786 km yang kini sedang giat dilaksanakan dipecahkan kepada 11 pakej. Sehingga bulan Jun 2017, daripada RM16.488 bilion yang diperuntukkan untuk Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, sebanyak **RM490 juta telah dibelanjakan** bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan fizikal semasa secara keseluruhan ialah 3.94% (sebenar) berbanding 2.62% (jadual). Manakala fasa kedua yang melibatkan jajaran di bahagian Limbang dan Lawas, Kerajaan kini dalam proses memuktamadkan penilaian teknikal dan kos serta dijangka dimulakan pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.